



**MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-53
SECARA DALAM TALIAN**

Tarikh : 22 Februari 2022 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi – 12.40 tengahari
Platform : Secara dalam talian melalui Aplikasi *Zoom Meeting*
Kehadiran : Sepertimana di **Lampiran A**

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 53.0	<p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi:</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS), TWP Peneraju Proses (PP) dan TWP Pusat Tanggung Jawab (PTJ) serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-53 ini.</p> <p>(b) menyeru semua ahli untuk menjaga diri dan berusaha untuk meningkatkan imuniti masing-masing dalam tempoh pandemik ini supaya kekal sihat dan dapat terus menyumbang bakti kepada universiti.</p> <p>(c) meminta semua ahli untuk turut mendoakan kesejahteraan kepada semua pekerja UPM dan ahli keluarga mereka yang telah diuji dengan musibah kematian dan perkara lain yang tidak diinginkan.</p> <p>(d) merakamkan ucapan tahniah di atas pelantikan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti yang baharu, iaitu:</p> <p>(i) Puan Zenaida Md Zenon, dilantik selaku Penyelaras Audit Dalam (PAD) bermula pada 3 Februari 2022;</p> <p>(ii) Tuan Haji Mat Razi Abdullah, dilantik selaku TWP PP Pusat Asasi Sains Pertanian (PASP) bermula 15 Disember 2021;</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(iii) Encik Shahrizan Hashim, dilantik selaku TWP PP Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI) bermula pada 3 Februari 2022;</p> <p>(iv) Encik Abdullah Arshad, dilantik selaku TWP PP Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (TNCHEPA) bermula pada 3 Februari 2022;</p> <p>(v) Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah Abdullah, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Pertanian (FP) bermula pada 3 Februari 2022;</p> <p>(vi) Puan Salinah Junid, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) bermula pada 3 Februari 2022;</p> <p>(vii) Puan Sarah Salwah Adnan, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Rekabentuk dan Senibina (FRSB) bermula 3 Februari 2022;</p> <p>(viii) Puan Rozi Tamin, dilantik selaku TWP PTJ Fakulti Sains dan Teknologi Makanan (FSTM) bermula 3 Februari 2022; dan</p> <p>(ix) Encik Nasrudin Yahya, dilantik selaku TWP PTJ Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) yang baharu bermula 18 Februari 2022.</p> <p>(e) turut merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas komitmen dan sumbangan mantan Ahli Jawatankuasa Kualiti berikut:</p> <p>(i) Puan Rozi Tamin, mantan PAD yang telah berkhidmat bagi tempoh 13 April 2016 hingga 2 Februari 2022;</p> <p>(ii) Encik Zuhaimi Abdul Rahim, mantan TWP PP PASP yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Jun 2021 hingga 14 Disember 2021;</p> <p>(iii) Encik Shahrizan Hashim, mantan TWP PP TNCHEPA yang telah berkhidmat bagi tempoh 1 September 2020 hingga 2 Februari 2021;</p> <p>(iv) Tuan Haji Mohd Aris Fadzilah Abdullah, mantan TWP PP TNCPI yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 Jun 2021 hingga 2 Februari 2022;</p>	<p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(v) Puan Salinah Junid, mantan TWP PTJ FP yang telah berkhidmat bagi tempoh 1 Julai 2019 hingga 2 Februari 2022;</p> <p>(vi) Encik Abdullah Arshad, mantan TWP PTJ FPSK yang telah berkhidmat bagi tempoh 2 November 2020 hingga 2 Februari 2022;</p> <p>(vii) Encik Wan Mohd Radzi Wan Ismail, mantan TWP PTJ FRSB yang telah berkhidmat bagi tempoh 15 April 2019 hingga 2 Februari 2022; dan</p> <p>(viii) Puan Sarah Salwah Adnan, mantan TWP PTJ FSTM yang telah berkhidmat bagi tempoh 9 Mac 2018 hingga 2 Februari 2022.</p>	
Minit 53.1	<p>Pengesahan Minit Mesyuarat JKK Kali ke-52</p> <p>Minit Mesyuarat JKK Kali ke-52 yang telah diadakan pada 02 Disember 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan.</p>	Makluman
Minit 53.2	<p>Perkara Berbangkit</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti Status Tindakan Susulan Mesyuarat JKK Kali ke-52 seperti mana pada Lampiran Agenda 3 yang telah dibentang. Mesyuarat seterusnya mengambil perhatian terhadap tujuh (7) perkara berikut:</p> <p>(a) <u>Minit 52.4(e)</u> - mesyuarat meminta PTJ yang masih mempunyai penemuan Audit Dalaman 2021 yang belum ditutup melepasi tempoh supaya melaksanakan tindakan penutupan seberapa segera ke atas penemuan berkenaan. Bagi PTJ yang mempunyai masalah penutupan penemuan disebabkan KJAD sedang bercuti dalam tempoh yang panjang seperti cuti tanpa gaji/ cuti sebelum persaraan, PTJ diminta memaklumkan kepada PAD, UPM selaku pegawai yang diberi kuasa untuk membuat semakan dan penutupan bagi penemuan audit yang berkaitan.</p> <p>Turut mengambil maklum keperluan mengambil tindakan segera ke atas penemuan audit ada dinyatakan dalam Standard ISO 9001:2015 di bawah Klausa 9.2.2 (e) iaitu 'membuat pembetulan dan mengambil tindakan pembetulan yang sesuai, tanpa kelengahan tidak wajar'. Justeru, bagi tujuan pemantauan keberkesanan tindakan penutupan, mesyuarat mencadangkan supaya senarai penemuan audit dalaman tahun 2021 yang belum ditutup melepasi tempoh mengikut PTJ dibawa ke mesyuarat akan datang.</p>	<p>Makluman</p> <p>TWP PP, TWP PTJ yang berkenaan & PAD, UPM</p> <p>PAD, UPM</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(b) <u>Minit 52.9(b)</u> – mesyuarat meminta perbincangan lanjut berkenaan kod fail oleh TWP FSKTM boleh diatitkan bersama dengan PRJ UPM bagi tujuan melancarkan proses pelaksanaan Sistem Pengurusan Dokumen Digital (DDMS) di PTJ.</p> <p>(c) <u>Minit 52.10.2(c)</u> - mesyuarat mengambil maklum CQA telah melaksanakan Bengkel Semakan Penulisan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras serta Pengenalpastian Tindakan Pembetulan pada 24 Januari 2022 secara dalam talian dengan penglibatan semua TWP dan TPKD Peneraju Proses.</p> <p>(d) <u>Minit 52.10.2(e)</u> - mesyuarat mengambil maklum CQA telah melaksanakan semakan bersama PKPU UPM pada 20 Februari 2022 dan telah dipersetujui Definisi Piagam Pelanggan adalah ‘Suatu pernyataan (janji) yang dikeluarkan oleh PTJ berkaitan dengan perkhidmatan terbaik yang boleh diberikan kepada pelanggan supaya khidmat yang diberikan dapat memuaskan hati pelanggan dan menjaga imej organisasi’. Ketetapan berkaitan pertindihan antara Piagam Pelanggan dengan Petunjuk Prestasi Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras juga telah dibentangkan semasa Bengkel Semakan Penulisan Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras serta Pengenalpastian Tindakan Pembetulan pada 24 Januari 2022 untuk kejelasan kepada PTJ.</p> <p>(e) <u>Minit 52.10.3</u> – mesyuarat mengambil maklum penambahbaikan Piagam Pelanggan Sekolah Pengajian Siswazah bagi Skop Perkhidmatan Utama Pengajian Siswazah telah mendapat kelulusan pengurusan PTJ dan dikuatkuasakan pemakaiannya mulai Januari 2022.</p> <p>(f) <u>Minit 52.10.4</u> - mesyuarat meminta TWP PP/TWP PTJ terlibat mengambil tindakan segera bagi mengisi kekosongan lantikan JK Kualiti PTJ masing-masing dengan mengemukakan penamaan baharu/penamaan pelantikan semula menerusi <i>google form</i> khas yang telah disediakan oleh pihak CQA. Mesyuarat turut mengambil maklum berkaitan terma lantikan TWP PP/TWP PTJ yang turut bertanggungjawab untuk memantau status lantikan JK Kualiti Peringkat Peneraju/PTJ.</p> <p>(g) <u>Minit 52.10.4(d)</u> - Mesyuarat mengambil maklum Pejabat TNCAA selaku PTJ Peneraju Proses telah mengenalpasti seorang TWP PTJ sebagai tambahan kepada lantikan JK Kualiti PTJ sedia ada dan pelantikan telah dilaksanakan oleh pihak CQA. Tiga (3) Peneraju</p>	<p>TWP FSKTM & PRJU, UPM</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP CADe, TWP PIU, TWP BKU, TWP FPV, TWP FBSB, TWP FS & TWP IPSAS</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN															
<p>Minit 53.3</p>	<p>Proses lain iaitu Pej. Bursar, SPS dan PPPA masih kekal dengan satu lantikan TWP iaitu TWP PP dan tiada penambahan TWP PTJ.</p> <p>Laporan Dokumentasi (QMS dan ISMS)</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Dokumentasi adalah sepertimana Lampiran Agenda 4 yang dibentang merangkumi perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Cadangan Pindaan Dokumen Skop Pengurusan; (ii) Pemantauan Dokumen Belum Pinda Tahun 2018; dan (iii) Pengemaskinian Dokumen Rujukan ISMS. <p>(b) mengambil maklum perubahan ke atas dokumen skop pengurusan QMS adalah atas justifikasi berikut:</p> <table border="1" data-bbox="445 994 1265 2036"> <thead> <tr> <th data-bbox="445 994 515 1070">Bil</th> <th data-bbox="515 994 855 1070">Nama & Kod Dokumen</th> <th data-bbox="855 994 1265 1070">Justifikasi perubahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="445 1070 515 1485">1.</td> <td data-bbox="515 1070 855 1485">Manual Kualiti (UPM/PGR/MK)</td> <td data-bbox="855 1070 1265 1485">Perkara 2.3 (Misi) & 2.5 (Matlamat UPM) dibuat berdasarkan pernyataan terkini pada Pelan Strategik UPM 2021-2025 manakala perkara 6.1 (Tindakan Menangani Risiko dan Peluang) dibuat mengambilkira penggunaan nama yang tepat bagi Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="445 1485 515 1727">2.</td> <td data-bbox="515 1485 855 1727">Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD)</td> <td data-bbox="855 1485 1265 1727">Penambahbaikan tempoh masa muat naik dokumen ISO oleh TPKD Peneraju Proses dan penggunaan <i>google form</i> seumpama Log Pemantauan Pindaan/Tambahan Dokumen Peneraju Proses.</td> </tr> <tr> <td data-bbox="445 1727 515 1935">3.</td> <td data-bbox="515 1727 855 1935">Borang Senarai Kehadiran Mesyuarat Pembukaan/ Penutupan Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 03)</td> <td data-bbox="855 1727 1265 1935">Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)</td> </tr> <tr> <td data-bbox="445 1935 515 2036">4.</td> <td data-bbox="515 1935 855 2036">Borang Nota Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 04)</td> <td data-bbox="855 1935 1265 2036">Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Nama & Kod Dokumen	Justifikasi perubahan	1.	Manual Kualiti (UPM/PGR/MK)	Perkara 2.3 (Misi) & 2.5 (Matlamat UPM) dibuat berdasarkan pernyataan terkini pada Pelan Strategik UPM 2021-2025 manakala perkara 6.1 (Tindakan Menangani Risiko dan Peluang) dibuat mengambilkira penggunaan nama yang tepat bagi Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM.	2.	Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD)	Penambahbaikan tempoh masa muat naik dokumen ISO oleh TPKD Peneraju Proses dan penggunaan <i>google form</i> seumpama Log Pemantauan Pindaan/Tambahan Dokumen Peneraju Proses.	3.	Borang Senarai Kehadiran Mesyuarat Pembukaan/ Penutupan Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 03)	Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)	4.	Borang Nota Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 04)	Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>
Bil	Nama & Kod Dokumen	Justifikasi perubahan															
1.	Manual Kualiti (UPM/PGR/MK)	Perkara 2.3 (Misi) & 2.5 (Matlamat UPM) dibuat berdasarkan pernyataan terkini pada Pelan Strategik UPM 2021-2025 manakala perkara 6.1 (Tindakan Menangani Risiko dan Peluang) dibuat mengambilkira penggunaan nama yang tepat bagi Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM.															
2.	Borang Cadangan Pindaan/Tambahan Dokumen (PGR/BR01/CPD)	Penambahbaikan tempoh masa muat naik dokumen ISO oleh TPKD Peneraju Proses dan penggunaan <i>google form</i> seumpama Log Pemantauan Pindaan/Tambahan Dokumen Peneraju Proses.															
3.	Borang Senarai Kehadiran Mesyuarat Pembukaan/ Penutupan Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 03)	Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)															
4.	Borang Nota Audit Dalaman (PGR/BR04/AD 04)	Keperluan semakan setiap 5 tahun (Dokumen tahun 2018)															

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>(c) meneliti dan bersetuju meluluskan cadangan penambahbaikan dokumen skop pengurusan yang akan mula dikuatkuasakan pemakaiannya pada 28 Februari 2022.</p> <p>(d) mengambil maklum dan perhatian bahawa Pusat Jaminan Kualiti akan membuat pemantauan berkala bagi pengemaskinian 139 dokumen ISO QMS dan ISMS yang belum dipinda dari tahun 2018 [dokumen yang telah cukup tempoh lima (5) tahun untuk semakan] dengan sasaran peratusan dokumen siap disemak dan dikemaskini oleh peneraju proses seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Kuatkuasa Pertama 2022 (28 Februari 2022) – 30%; (ii) Kuatkuasa Kedua 2021 (30 Jun 2022) – 70%; dan (iii) Kuatkuasa Ketiga 2021 (09 September 2022) – 100%. <p>(e) meminta peneraju proses terlibat membuat semakan terhadap dokumen belum pinda tahun 2018 masing-masing dan seterusnya membuat keputusan sama ada:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumen dikekalkan sekiranya tiada perubahan pada isi kandungan dan masih relevan dengan pelaksanaan semasa; (ii) Dokumen digabungkan jika berlaku pertindihan fungsi/proses dengan dokumen lain; dan (iii) Dokumen digugurkan sekiranya tidak lagi digunakan/tidak relevan dengan pelaksanaan terkini. <p>(f) mengambil maklum berhubung pemakaian dokumen terkini Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) melalui paparan eISO UPM dengan tarikh kemaskini 1 Disember 2021 melibatkan dua (2) dokumen berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Dokumen Rujukan Pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat; dan (ii) Penyata Pemakaian (Statement of Applicability). <p>(g) turut mencadangkan supaya maklumat berkaitan Matlamat Pendidikan Universiti (Educational Goals) diambilkira untuk tujuan integrasi bersama dokumentasi ISO yang berkaitan untuk rujukan semua warga UPM.</p>	<p>PKD, UPM</p> <p>PKD UPM, TWP CQA, TWP TNCAA (BKAD), TWP SPS, TWP Pej. TNCPI, TWP Pej. Bursar, TWP Pej. Pendaftar, TWP PSAS, TWP PPPA, TWP PKU, TWP IDEC & TWP PPUU</p> <p>TWP PP yang dinyatakan di Minit 53.3 (d)</p> <p>Makluman</p> <p>PKD, UPM</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN									
<p>Minit 53.4</p>	<p>Laporan Audit</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum Laporan Audit ISO yang merangkumi Laporan Penemuan Audit SIRIM QMS dan ISMS UPM Tahun 2021 dan Laporan Pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Pusat Tanggungjawab Tahun 2022 adalah sepertimana Lampiran Agenda 5 yang dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum penemuan hasil Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS dan ISMS yang diadakan pada 13 hingga 17 Disember 2021 adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="472 741 1074 857"> <thead> <tr> <th>Audit SIRIM</th> <th>NCR</th> <th>OFI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>QMS</td> <td>1</td> <td>9</td> </tr> <tr> <td>ISMS</td> <td>0</td> <td>6</td> </tr> </tbody> </table> <p>(c) turut mengambil maklum berhubung aliran proses penutupan NCR Audit SIRIM QMS yang perlu diambil tindakan oleh UPM dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh mesyuarat penutupan audit SIRIM iaitu bermula 17 Disember 2021 hingga 17 Mac 2022. Sehubungan itu, bagi memastikan tindakan penutupan dapat dibuat dalam tempoh yang diberikan, mesyuarat meminta peneraju proses terlibat mengemukakan bukti tindakan pembetulan bagi penemuan berkaitan skop penyelidikan dan inovasi kepada pihak CQA selewat-lewatnya pada 11 Mac 2022.</p> <p>(d) mengambil maklum keberkesanan tindakan bagi penemuan audit SIRIM akan disemak semasa sesi Audit SIRIM QMS dan ISMS Tahun 2022.</p> <p>(e) mengambil maklum pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS Tahun 2022 bagi semua PTJ di UPM telah dijadualkan bermula 1 April 2022 hingga 30 Jun 2022. Audit boleh dilaksana secara bersemuka, hibrid atau <i>remote</i> bergantung kepada persetujuan pihak PTJ dengan Juruaudit. Pemakluman awal berhubung perkara ini telah dihebahkan kepada semua TWP PTJ semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-52 pada 2 Disember 2022.</p> <p>(f) mengambil maklum berkaitan aliran proses pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS PTJ Tahun 2022 sebagaimana yang diperincikan dalam Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman UPM. Justeru, semua PTJ adalah diminta untuk melaksanakan audit dalaman mengikut tempoh yang telah ditetapkan.</p>	Audit SIRIM	NCR	OFI	QMS	1	9	ISMS	0	6	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP Pej. TNCPI (RMC & ITAFoS)</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Semua TWP PP & TWP PTJ</p>
Audit SIRIM	NCR	OFI									
QMS	1	9									
ISMS	0	6									

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
Minit 53.5	<p data-bbox="395 237 879 271">Laporan Pencapaian Objektif ISO</p> <p data-bbox="395 311 1262 383">53.5.1 Laporan Pencapaian Objektif Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2015</p> <p data-bbox="547 423 1262 568">Mesyuarat mengambil maklum tiga (3) jenis objektif kualiti yang akan memperlihatkan pencapaian yang dihasratkan menerusi Sistem Pengurusan Kualiti adalah sepertimana berikut:</p> <p data-bbox="547 609 1262 719">(a) Laporan Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2021</p> <p data-bbox="620 759 1262 1093">Mesyuarat mengambil maklum tiada pelaporan bagi agenda Pencapaian <i>Key Performance Indicator</i> (KPI) untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-53. Pelaporan hanya dapat dibentangkan selepas pelaksanaan Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Sukuan Keempat (Q4) dan Penetapan KPI Tahun 2022 yang dijadualkan pada pertengahan Mac 2022.</p> <p data-bbox="547 1133 1262 1279">(b) Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2021</p> <p data-bbox="620 1319 778 1352">Mesyuarat:</p> <p data-bbox="620 1393 1262 1659">(i) mengambil maklum Laporan Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras (PFA) bagi tempoh Januari hingga Disember 2021 serta penetapan pengukuran dan sasaran PFA tahun 2022 adalah sepertimana Lampiran Agenda 6 (a)(ii) yang telah dibentang.</p> <p data-bbox="620 1700 1262 2033">(ii) mengambil maklum daripada 73 petunjuk prestasi yang diukur, sebanyak 59 petunjuk prestasi mencapai sasaran, 13 petunjuk prestasi tidak mencapai sasaran manakala baki satu (1) petunjuk prestasi lagi tidak dapat diukur. Pecahan pencapaian petunjuk prestasi berdasarkan skop proses adalah seperti berikut:</p>	<p data-bbox="1307 423 1469 456">Makluman</p> <p data-bbox="1307 759 1469 792">Makluman</p> <p data-bbox="1307 1393 1469 1426">Makluman</p> <p data-bbox="1307 1700 1469 1733">Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN						
	<ul style="list-style-type: none"> • Proses Prauniversiti – 100% (3/3) • Proses Perkhidmatan Utama – 100% (11/11) • Proses Sokongan – 60% (6/10) • Proses Operasi Perkhidmatan Sokongan – 80% (39/49) <p>(iii) mengambil maklum satu (1) petunjuk prestasi yang tidak dapat diukur beserta justifikasi adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="699 689 1267 1137"> <thead> <tr> <th data-bbox="699 689 772 757">Bil</th> <th data-bbox="772 689 1011 757">Petunjuk Prestasi</th> <th data-bbox="1011 689 1267 757">Justifikasi</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="699 757 772 1137">1.</td> <td data-bbox="772 757 1011 1137">Peraturan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan</td> <td data-bbox="1011 757 1267 1137">Tiada tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan diterima oleh PKKSSAAS sepanjang tempoh pengukuran Januari hingga Disember 2021.</td> </tr> </tbody> </table> <p>(iv) meminta peneraju proses yang terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap petunjuk prestasi PFA yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2021 sebagaimana yang telah dicadangkan. Senarai petunjuk prestasi Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2021 yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di Lampiran B.</p> <p>(v) secara dasarnya bersetuju mengesahkan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Tahun 2021 serta penetapan pengukuran PFA tahun 2022 mengambilkira beberapa cadangan penambahbaikan sepertimana berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • meluluskan penguguran PFA berkaitan Pengkalan Akreditasi Makmal dan peneraju terlibat diminta mengemukakan PFA baharu 	Bil	Petunjuk Prestasi	Justifikasi	1.	Peraturan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan	Tiada tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan diterima oleh PKKSSAAS sepanjang tempoh pengukuran Januari hingga Disember 2021.	<p>Makluman</p> <p>TWP PNC, TWP TNC HEPA, TWP Pej. Pendaftar, TWP Pej. Bursar, TWP CQA, TWP PKKSSAAS & TWP CALC</p> <p>KB PKP & TWP Pej. TNCPI, TWP Pej. TNC HEPA, TWP CQA</p>
Bil	Petunjuk Prestasi	Justifikasi						
1.	Peraturan penilaian pelanggan mendapat skor min 4.5 daripada 5.0 bagi tempahan perkhidmatan kebudayaan	Tiada tempahan perkhidmatan kumpulan kebudayaan diterima oleh PKKSSAAS sepanjang tempoh pengukuran Januari hingga Disember 2021.						

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>untuk pengukuran tahun 2022 berkaitan dengan skop/fungsi utama PTJ;</p> <ul style="list-style-type: none"> • Cadangan pengguguran PFA berkaitan swaakreditasi program pengajian dimohon untuk diteliti semula oleh peneraju dengan saranan supaya PFA dikekalkan untuk pengukuran tahun 2022 dan sasaran diturunkan berbanding tahun sebelumnya; • Cadangan pengguguran PFA berkaitan pengurusan penyediaan kemudahan penginapan dan aktiviti pelajar diteliti semula dan sekiranya kekal untuk digugurkan, peneraju perlu mengemukakan cadangan PFA baharu untuk pertimbangan mesyuarat akan datang; dan • Terma “Objektif Kualiti” dipinda kepada “Objektif Fungsian” bagi pengukuran PFA bermula tahun 2022. <p>(vi) mengambil maklum PFA berkaitan penjana pendapatan akan dibincang dan diteliti kembali kewajarannya oleh pihak Pejabat Bursar bersama peneraju proses yang terlibat.</p> <p>(c) Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan Bagi Tempoh Januari hingga Disember Tahun 2021</p> <p>(i) Mesyuarat mengambil maklum Laporan Pencapaian Piagam Pelanggan bagi Tempoh Januari hingga Disember 2021 merangkumi skop Perkhidmatan Utama iaitu Pra Siswazah, Siswazah dan Penyelidikan dan Inovasi serta Proses Sokongan adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 6 (a) (iii) yang telah dibentang.</p> <p>(ii) Mesyuarat mengambil maklum sebanyak 149 piagam pelanggan bagi skop proses utama dan proses sokongan yang telah diukur bagi tempoh Januari hingga</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>Disember 2021 adalah seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Proses Utama sebanyak 25 piagam pelanggan dengan 22 mencapai sasaran dan tiga (3) tidak mencapai sasaran; dan • Proses Sokongan sebanyak 124 piagam melibatkan 34 PTJ dengan 104 mencapai sasaran dan 20 tidak mencapai sasaran. <p>(iii) Mesyuarat mengambil maklum punca dan tindakan pembetulan bagi tiga (3) piagam pelanggan proses utama yang tidak mencapai sasaran adalah seperti di Lampiran C.</p> <p>(iv) Mesyuarat meminta Peneraju Proses dan Ketua PTJ terlibat melaksanakan tindakan pembetulan/penambahbaikan terhadap piagam pelanggan yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2021.</p> <p>(v) Mesyuarat mencadangkan supaya perkara berikut dilaksana untuk penambahbaikan pelaporan piagam pelanggan pada masa akan datang, iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengeluarkan senarai PTJ yang menyumbang kepada ketidakcapaian sasaran bagi piagam pelanggan proses utama supaya tindakan pembetulan yang akan dilaksana lebih terfokus; • turut melaporkan punca dan tindakan pembetulan bagi piagam pelanggan proses sokongan; dan • mewujudkan Jawatankuasa Khas untuk membantu penyelarasan pelaporan piagam pelanggan universiti dan 	<p>Makluman</p> <p>TWP PNC, TWP TNCAA (BKAD), TWP SPS, TWP TNC JIM, TWP TNC HEPA, TWP Pej. BURSAR, TWP PPPA, TWP PKU, TWP PUPM, TWP INTL, TWP CADe & TWP PPUU</p> <p>PKPU, UPM</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN
	<p>cadangan keahlian beserta terma rujukan jawatankuasa ini perlu dibawa untuk makluman mesyuarat akan datang.</p> <p>53.5.2 Laporan Pencapaian Objektif Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) MS ISO/IEC 27001:2013 Bagi Tempoh Januari Hingga Disember 2021</p> <p>Mesyuarat:</p> <p>(a) mengambil maklum laporan pencapaian objektif ISMS bagi tahun 2021 dan cadangan penetapan objektif ISMS bagi tahun 2022 adalah sepertimana pada Lampiran Agenda 6 (b) yang telah dibentang.</p> <p>(b) mengambil maklum kesemua tiga (3) objektif ISMS yang diukur pada tahun 2021 telah mencapai sasaran yang ditetapkan.</p> <p>(c) bersetuju meluluskan pencapaian objektif ISMS tahun 2021 serta cadangan perubahan objektif keselamatan maklumat bagi tahun 2022 [dua (2) objektif digugurkan, satu (1) objektif dikekalkan dan tiga (3) objektif baharu diwujudkan] untuk diambil tindakan pemantauan oleh pasukan peneraju ISMS berdasarkan kaedah pengukuran yang ditetapkan sepertimana yang dinyatakan di Lampiran Agenda 6 (b).</p>	<p></p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP ISMS</p>
<p>Minit 53.6</p>	<p>Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan ISO 2021</p> <p>53.6.1 Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS Tahun 2021</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum:</p> <p>(a) Laporan Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS 2021 yang merangkumi tiga (3) skop utama iaitu Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan dan Inovasi serta Jaringan Industri dan Masyarakat sepertimana pada Lampiran Agenda 7 (a) yang telah dibentang.</p> <p>(b) Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat (PSPK) yang bertindak sebagai Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti telah membuat penyelarasan maklum balas pihak berkepentingan melalui pelaksanaan Kajian Maklum Balas Pihak Berkepentingan QMS bermula Mac hingga Oktober 2021.</p>	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p>

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																	
	<p>(c) senarai pihak berkepentingan QMS dan skop kajian adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="638 349 1257 667"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Skop</th> <th>Pihak Berkepentingan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td rowspan="3">1.</td> <td rowspan="3">Pengajaran dan Pembelajaran</td> <td>Bakal Pelajar</td> </tr> <tr> <td>Pelajar Tahun 2</td> </tr> <tr> <td>Penaja</td> </tr> <tr> <td rowspan="2">2.</td> <td rowspan="2">Penyelidikan dan Inovasi</td> <td>Penyelidik</td> </tr> <tr> <td>Industri</td> </tr> <tr> <td rowspan="3">3.</td> <td rowspan="3">Jaringan Industri dan Masyarakat</td> <td>Staf</td> </tr> <tr> <td>Industri</td> </tr> <tr> <td>Komuniti</td> </tr> </tbody> </table> <p>(d) objektif kajian adalah seperti berikut:</p> <p>(i) mengenal pasti sejauh mana kualiti perkhidmatan pendidikan yang diberikan oleh UPM; dan</p> <p>(ii) mengenal pasti sejauh mana kualiti persekitaran yang disediakan oleh UPM dalam proses pengajaran dan pembelajaran.</p> <p>(e) maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran – Pelajar dengan jumlah 342 responden berdasarkan 40 soalan merangkumi 4 bahagian iaitu Perkara Akademik, Fasiliti/ Kelengkapan, Kaunter di Fakulti/ Institut dan Khidmat Kaunter di AKD/SGS berdasarkan 5 skala adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="638 1453 1262 1608"> <thead> <tr> <th colspan="2">Hasil Dapatan Kajian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">92% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.81 daripada skala 5 (agak memuaskan).</td> </tr> </tbody> </table> <p>(f) terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian oleh peneraju berdasarkan skor skala penilaian perkhidmatan yang kurang memuaskan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="630 1832 1257 2089"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan</th> <th>Nilai Mean</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atasan (SMP/iGiMS) berfungsi dengan lancar</td> <td>2.95</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh Viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)</td> <td>2.86</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan</td> <td>2.60</td> </tr> </tbody> </table>	Bil	Skop	Pihak Berkepentingan	1.	Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar	Pelajar Tahun 2	Penaja	2.	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik	Industri	3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf	Industri	Komuniti	Hasil Dapatan Kajian		92% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.81 daripada skala 5 (agak memuaskan).		Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean	1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atasan (SMP/iGiMS) berfungsi dengan lancar	2.95	2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh Viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86	3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60	<p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>TWP SPS</p>
Bil	Skop	Pihak Berkepentingan																																	
1.	Pengajaran dan Pembelajaran	Bakal Pelajar																																	
		Pelajar Tahun 2																																	
		Penaja																																	
2.	Penyelidikan dan Inovasi	Penyelidik																																	
		Industri																																	
3.	Jaringan Industri dan Masyarakat	Staf																																	
		Industri																																	
		Komuniti																																	
Hasil Dapatan Kajian																																			
92% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.81 daripada skala 5 (agak memuaskan).																																			
Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean																																	
1.	Secara keseluruhan, kemudahan sistem secara atasan (SMP/iGiMS) berfungsi dengan lancar	2.95																																	
2.	Secara keseluruhan, anda berpuas hati dengan “tempoh menunggu” di antara Tarikh penghantaran tesis sehingga tarikh Viva yang ditetapkan (pelajar siswazah)	2.86																																	
3.	Capaian internet di dalam bilik kuliah adalah memuaskan	2.60																																	





MINIT	AGENDA	TINDAKAN																						
	<p>(g) maklum balas Skop Pengajaran dan Pembelajaran - Penaja dengan jumlah 21 responden berdasarkan 30 soalan merangkumi 4 bahagian iaitu Peluang Pekerjaan, Tahap Kepuasan Terhadap Pengurusan Akademik Pelajar, Prestasi Pencapaian Pelajar dan Keberkesanan Kaedah Pemantauan Pelajar berdasarkan 5 skala adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="603 600 1273 757"> <thead> <tr> <th colspan="2">Hasil Dapatan Kajian</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="2">86.04% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.71 daripada skala 5 (agak memuaskan).</td> </tr> </tbody> </table> <p>(h) terdapat beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh peneraju kerana mendapat skala penilaian perkhidmatan kurang memuaskan seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="595 981 1273 1346"> <thead> <tr> <th>Bil</th> <th>Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan</th> <th>Nilai Mean</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1.</td> <td>Penaja komited untuk mengambil pelajar yang ditaja untuk berkhidmat dengannya</td> <td>2.81</td> </tr> <tr> <td>2.</td> <td>Penerima tajaan akan dikenakan tempoh wajib berkhidmat dengan penaja setelah tamat pengajian</td> <td>2.33</td> </tr> <tr> <td>3.</td> <td>Tajaan biasiswa dibuat dengan tujuan mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pegawai di organisasi penaja</td> <td>2.67</td> </tr> <tr> <td>4.</td> <td>Universiti sentiasa menghantar keputusan semester pelajar kepada penaja</td> <td>2.86</td> </tr> <tr> <td>5.</td> <td>Penaja tiada halangan pelajar tajaan perlu mendapat keizinan penaja</td> <td>2.29</td> </tr> </tbody> </table> <p>(i) meminta semakan semula terhadap soalan kajian bagi maklum balas skop pengajaran dan pembelajaran untuk penaja bagi memastikan ianya lebih relevan dan menggambarkan ekspektasi penaja terhadap Universiti serta tahap perkhidmatan UPM dengan mengambil kira input berkaitan jumlah penaja dan dana yang disumbangkan.</p> <p>(j) maklum balas Skop Penyelidikan dan Inovasi - Penyelidik dengan jumlah 19 responden dengan objektif umum kajian ialah untuk mengukur tahap kepuasan penyelidik terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh UPM. Terdapat tujuh (7) item untuk bahagian ini dengan hasil dapatan seperti berikut:</p>	Hasil Dapatan Kajian		86.04% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.71 daripada skala 5 (agak memuaskan).		Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean	1.	Penaja komited untuk mengambil pelajar yang ditaja untuk berkhidmat dengannya	2.81	2.	Penerima tajaan akan dikenakan tempoh wajib berkhidmat dengan penaja setelah tamat pengajian	2.33	3.	Tajaan biasiswa dibuat dengan tujuan mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pegawai di organisasi penaja	2.67	4.	Universiti sentiasa menghantar keputusan semester pelajar kepada penaja	2.86	5.	Penaja tiada halangan pelajar tajaan perlu mendapat keizinan penaja	2.29	<p>Makluman</p> <p>TWP Pej. TNC HEPA</p> <p>PKPU UPM, TWP Pej. TNC HEPA & TWP Pej. Bursar</p> <p>Makluman</p>
Hasil Dapatan Kajian																								
86.04% responden telah memilih skala 3 dan ke atas. Iaitu 3.71 daripada skala 5 (agak memuaskan).																								
Bil	Kategori yang mendapat Kurang Memuaskan	Nilai Mean																						
1.	Penaja komited untuk mengambil pelajar yang ditaja untuk berkhidmat dengannya	2.81																						
2.	Penerima tajaan akan dikenakan tempoh wajib berkhidmat dengan penaja setelah tamat pengajian	2.33																						
3.	Tajaan biasiswa dibuat dengan tujuan mendapatkan calon yang sesuai untuk dilantik sebagai pegawai di organisasi penaja	2.67																						
4.	Universiti sentiasa menghantar keputusan semester pelajar kepada penaja	2.86																						
5.	Penaja tiada halangan pelajar tajaan perlu mendapat keizinan penaja	2.29																						

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																								
	<div data-bbox="630 282 1259 663" style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;">Hasil Dapatan Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Skor Min ialah ialah 4.08 dengan sisihan piawai .481 • Tahap Kepuasan Penyelidik Terhadap Perkhidmatan yang disediakan oleh UPM, didapati sebanyak 78.9% berada pada tahap tinggi, sementara baki sebanyak 21.1% berada pada paras sederhana. </div> <p data-bbox="541 705 1262 815">(k) Analisis Item Kepuasan Penyelidik Terhadap Perkhidmatan yang disediakan oleh UPM adalah seperti berikut:</p> <table border="1" data-bbox="601 855 1259 1303" style="width: 100%; border-collapse: collapse; text-align: center;"> <thead> <tr> <th style="background-color: #fff2cc;">Item</th> <th>N</th> <th>Mean</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah peningkatan peruntukan dana dapat membantu penyelidik melaksanakan projek penyelidikan?</td> <td>19</td> <td>4.79</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penghasilan artikel yang berkualiti?</td> <td>19</td> <td>4.42</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penerbitan jurnal berimpak tinggi?</td> <td>19</td> <td>4.26</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah kefahaman penyelidik mengenai Glosari MyRA dapat ditingkatkan?</td> <td>19</td> <td>4.16</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran memberi maklumat yang mencukupi berkenaan dengan geran penyelidikan?</td> <td>19</td> <td>3.79</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah mesra pengguna?</td> <td>19</td> <td>3.58</td> </tr> <tr> <td style="background-color: #d9ead3;">Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah stabil</td> <td>19</td> <td>3.53</td> </tr> </tbody> </table> <p data-bbox="541 1350 1262 1541">(l) objektif khusus kajian yang pertama ialah untuk mengukur dimensi komunikasi dalam perundingan kontrak perniagaan. Terdapat lima (5) item untuk bahagian ini dengan hasil dapatan seperti berikut:</p> <div data-bbox="588 1572 1259 1879" style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p style="text-align: center;">Hasil Dapatan Kajian</p> <ul style="list-style-type: none"> • Skor Min ialah 3.72 dengan sisihan piawai .858 • Tahap Komunikasi dalam Perundingan Kontrak Perniagaan, didapati sebanyak 53.8% berada pada tahap tinggi, sementara baki sebanyak 46.2% berada pada paras sederhana. </div> <p data-bbox="541 1937 1262 2011">(m) Analisis Item Komunikasi dalam Perundingan Kontrak Perniagaan adalah seperti berikut:</p>	Item	N	Mean	Adakah peningkatan peruntukan dana dapat membantu penyelidik melaksanakan projek penyelidikan?	19	4.79	Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penghasilan artikel yang berkualiti?	19	4.42	Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penerbitan jurnal berimpak tinggi?	19	4.26	Adakah kefahaman penyelidik mengenai Glosari MyRA dapat ditingkatkan?	19	4.16	Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran memberi maklumat yang mencukupi berkenaan dengan geran penyelidikan?	19	3.79	Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah mesra pengguna?	19	3.58	Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah stabil	19	3.53	<p data-bbox="1307 705 1469 739">Makluman</p> <p data-bbox="1307 1350 1469 1384">Makluman</p> <p data-bbox="1307 1937 1469 1971">Makluman</p>
Item	N	Mean																								
Adakah peningkatan peruntukan dana dapat membantu penyelidik melaksanakan projek penyelidikan?	19	4.79																								
Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penghasilan artikel yang berkualiti?	19	4.42																								
Adakah penyelidik bersetuju dibantu dalam proses penerbitan jurnal berimpak tinggi?	19	4.26																								
Adakah kefahaman penyelidik mengenai Glosari MyRA dapat ditingkatkan?	19	4.16																								
Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran memberi maklumat yang mencukupi berkenaan dengan geran penyelidikan?	19	3.79																								
Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah mesra pengguna?	19	3.58																								
Adakah sistem atas talian yang disediakan oleh penaja geran adalah stabil	19	3.53																								

MINIT	AGENDA	TINDAKAN																																		
